



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (107)

Tarikh : 24 Jun 2015

Kepada Semua Media Massa,

**PENGUATKUASAAN PENGASINGAN SISA DI PUNCA AKAN TETAP DILAKSANAKAN
PADA 1 SEPTEMBER 2015**

Putrajaya, 24 Jun 2015- Pelaksanaan pengasingan sisa di punca secara mandatori seperti yang telah diumumkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum ini tetap akan dilaksanakan pada 1 September 2015.

Berhubung kenyataan YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan kerajaan Tempatan yang dilaporkan berkata bahawa pelaksanaan pengasingan sisa di punca telah ditunda dari 1 September 2015 ke 1 Januari 2016, Kementerian ini ingin memberikan penjelasan bahawa isu penangguhan adalah tidak timbul sama sekali kerana ia sebenarnya merujuk kepada proses penguatkuasaan pengasingan sisa di punca di mana bagi tempoh 1 September 2015- 31 Disember 2015 pesalah (pihak yang gagal mengasingkan sisa pepejal) akan diberikan surat amaran dan bermula 1 Januari 2016 pesalah akan diberikan kompaun mengikut kesalahan masing-masing.

Maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan ini boleh dapati melalui laman web Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (www.kpkt.gov.my)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, SWCorp Malaysia, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my